

**Agong Mahu Malaysia-Brunei Tingkatkan Lagi Kerjasama Berpotensi Tinggi  
Bernama  
10 Mei, 2012  
Daripada Mohd Razman Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah Malaysia dan Brunei boleh meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang berpotensi tinggi termasuk pertanian dan perikanan, teknologi maklumat, perbankan Islam dan infrastruktur yang boleh menguntungkan kedua-dua negara.

Seri Paduka bertitah hubungan dagangan dua hala antara Malaysia dan Brunei pada 2011 tumbuh 13.7 peratus daripada segi nilai dagangan, berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah itu akan meningkat lagi pada tahun-tahun mendatang dengan mengambil kira usaha dan inisiatif berterusan antara kedua-dua negara dalam menceburi sektor bernilai dan berkepentingan bersama, titah baginda pada Santapan Negara di Istana Darul Hana, di sini pada Khamis.

Turut berangkat ke majlis itu ialah Sultan Brunei Darussalam Sultan Hassanal Bolkiah serta kerabat diraja dan pembesar negara.

Tuanku Abdul Halim dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah tiba di sini Rabu bagi mengadakan lawatan tiga hari ke negara ini.

Seri Paduka bertitah sebagai penambahbaikan dalam bidang ekonomi, Malaysia telah memperkenalkan pelbagai peluang pelaburan yang berdaya maju dan bernilai tinggi melalui beberapa program termasuk Program Transformasi Ekonomi.

"Paduka Kekanda juga amat mengalu-alukan hasrat Brunei Darussalam untuk meningkatkan pelaburan di Malaysia," titah Seri Paduka sambil menggalakkan syarikat Malaysia bekerjasama dengan Brunei dalam usaha mempelbagaikan ekonomi.

Tuanku Abdul Halim turut berbangga dengan peranan dimainkan Malaysia dan Brunei dalam menangani isu-isu berkepentingan bersama di peringkat serantau dan antarabangsa.

Justeru, Seri Paduka menyarankan kedua-dua negara supaya meneruskan usaha menegakkan Islam dan membela golongan yang tertindas pada kalangan negara Islam lain demi keutuhan ummah.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665307>